

Headline	Pokok hutan asli penjana ekonomi bandar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Oct 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 468
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,405



Pokok hutan asli penjana ekonomi bandar

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Rabu — Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berhasrat untuk mewujudkan senario baharu dengan menukar pepohon landskap dengan pokok hutan asli yang mempunyai nilai tambah dari segi ekonomi di seluruh bandar di negara ini.

Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, pokok hutan asli mempunyai kegunaan masa depan yang panjang kerana ia mampu menjadi penjana ekonomi bandar. "Mewujudkan perhutanan bandar ini akan memastikan kelangsungan dari segi nilai bahan perkayuan hutan sentiasa ada selain mencantikkan kawasan bandar," tegasnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menghadiri Persidangan Hutan Bandar 2012 di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini. Kata Latif, pepohon landskap menelan perbelanjaan penyelenggaraan yang tinggi kerana ia memerlukan penjagaan yang rapi untuk memastikan kecantikannya kekal.

Berbanding dengan pokok asli dari hutan, ia tidak memerlukan penyelenggaraan yang banyak kerana pokok hutan hidup secara semula jadi seperti di hutan.

"Pokok-pokok asli ini merupakan khazanah negara yang tidak ternilai harganya yang harus dilindungi daripada pupus," ujarnya. Bagaimanapun, rancangan itu sukar untuk dilaksanakan berikutan beberapa kekangan yang harus dihadapi.

"Kita komited untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan negara ini diliputi den-

gan hutan serta menunaikan komited Malaysia semasa Persidangan Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992," tegasnya.

Terdahulu, dalam ucapannya, kata Latif, perhutanan bandar mempunyai skop yang luas bukan hanya sekadar landskap dan menanam pokok tetapi merangkumi penguurusan taman hutan dan bandar kawasan hijau serta di pinggir bandar.

Tambahnya, ia juga terdiri dari-pada pelbagai bidang disiplin antaranya, pengurusan pokok atau arboriculture dan landskap, hidrologi, ekologi dan aspek sosioekonomi.

"Perhutanan bandar atau taman bukan sahaja dimiliki oleh pihak kerajaan tempatan, kawasan sekolah, padang golf, premis persendirian boleh digunakan sebagai lokasi untuk berkomunikasi bahawa pemuliharaan kawasan hijau memberi manfaat kepada manusia dan ekosistem," tegasnya. Persidangan Perhutanan Bandar 2012 berlangsung selama dua hari bermula pada 3 dan 4 Oktober dihadiri oleh beberapa wakil negara seperti dari negara Brazil, Turki, United Kingdom (UK) dan Afrika Selatan.



DATO' DR. ABD. LATIF MOHMOD